



A Better Future for all Malaysians

## 3 Cara Untuk Mengelakkan Penipuan Kewangan

Meskipun begitu banyak cerita yang menakutkan yang kita baca dan dengari, masih ramai yang kehilangan wang yang begitu berharga akibat penipuan kewangan. Berikut adalah apa yang anda perlu ketahui supaya tidak menjadi mangsa!

1

### Ketahui Bagaimana Penipuan Berlaku

Ramai penipuan melibatkan pinjaman peribadi, jadi langkah pertama untuk mengelakkan daripada ditipu adalah untuk mengetahui proses pinjaman.

- 1 Anda akan diberikan dokumen rasmi (dicetak atau digital) yang menyatakan dengan jelas butiran pinjaman anda.
- 2 Anda tidak akan perlu membayar apa-apa jumlah wang pendahuluan kerana ia menyalahi undang-undang bagi pemberi pinjaman untuk meminta bayaran pendahuluan.
- 3 Ketahui siapa peminjam anda. Pinjaman dari institusi kewangan berlesen akan menjadi pilihan paling selamat kerana ia dikawal oleh Bank Negara.







## 2 Kenali Jenis Penipuan



Berikut adalah beberapa tanda amaran untuk dikenalpasti:

- 1 Pemberi pinjaman yang tidak berminat tentang sejarah kredit anda**  
Iklan yang mengatakan “Tiada masalah – pinjaman cepat dijamin” atau “Kami tidak peduli tentang sejarah kredit anda. Pinjaman ini untuk anda” perlu didekati dengan berhati-hati. Pemberi pinjaman sah hanya akan meluluskan pinjaman selepas mereka menilai sejarah kredit anda.
- 2 Bayaran pendahuluan**  
Sesetengah sindiket penipuan akan menggunakan terma “yuran pemprosesan” atau memberitahu anda bayaran pendahuluan diperlukan kerana sejarah pinjaman yang teruk. Yuran ini, jika diperlukan, biasanya ditolak dari jumlah pinjaman sebelum pinjaman disalurkan.
- 3 Digesa untuk bertindak segera**  
Penipu mungkin menggesa anda untuk memberi maklumat peribadi atau menghantar wang sebelum memberikan dokumentasi yang sah.
- 4 Meminta maklumat peribadi**  
Jangan berikan maklumat kad kredit atau akaun bank anda melalui telefon atau Internet melainkan anda betul-betul pasti siapa yang bertanya dan mengapa.

## 3 Kenali Diri Anda



Tanya diri anda kenapa anda memerlukan pinjaman. Sekiranya anda mempunyai kesukaran untuk mendapatkan pinjaman dari sumber yang sah, dapatkan bantuan penasihat kewangan untuk menilai kesihatan kredit anda dan dapatkan alternatif yang sah.

Meminjam dari sumber yang meragukan akan membahayakan anda. Sekiranya sesuatu kelihatan terlalu baik untuk menjadi kenyataan, biasanya suatu penipuan. Memercayainya akan menyebabkan anda berada dalam keadaan kewangan yang lebih teruk dari sebelum ini.

Jika anda ingin mengetahui lebih banyak cara untuk DuitSmart dan mendapatkan kesihatan kewangan yang lebih baik, sila layari [www.hlb.com.my/duitsmart](http://www.hlb.com.my/duitsmart)

Artikel ini dibawa kepada anda daripada Hong Leong Bank dengan kerjasama iMoney.my



Ketahui lebih lanjut mengenai kelebihan [pembiayaan hartanah Islam](#).

*Disclaimer: This content is for informational purposes and use only. It does not constitute and is not intended as financial or investment advice. You are encouraged to consult with competent accounting, financial or investment professionals based on your specific circumstances and needs before making any financial or investment decisions. We do not make any warranties as to accuracy or completeness of this information, do not endorse any third-party companies, products, or services described here, and take no liability for your use of this information. Figures and pictures, where used, are for illustration and explanation purposes only.*